



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM INOVASI SOSIAL MOSTI – DUTA SAINS TANGGA
BATU: BENGKEL EKOSISTEM PERNIAGAAN DAN
PENGKOMERSILAN**

**5 APRIL 2016 (SELASA), 2.30 PETANG
AUDITORIUM CANSELORI, UTEM**

[Senarai salutsasi tertakluk kepada pengesahan kehadiran]

YBHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);

YBRS. PUAN HAZAMI HABIB
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Sains Malaysia (ASM)

YBRS. ENCIK BADRUL HISHAM BADRUDIN
Ketua Pegawai Eksekutif, Melaka Biotechnology Corporation;

Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Wakil ADUN Tangga Batu;

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;

Wakil-wakil Industri, Wakil-wakil Media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana diberikan kekuatan dan kesihatan untuk hadir bersama-sama dengan tuan-puan di majlis yang penuh bermakna ini. Saya difahamkan bahawa **Bengkel Ekosistem Perniagaan dan Pengkomersilan bagi Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) – Duta Sains Tangga Batu** ini telah berlangsung selama 2 hari dan petang ini adalah merupakan Majlis Perasmian Penutup bagi bengkel tersebut.

2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk **Akademi Sains Malaysia (ASM), Young Scientists Network (YSN), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dan Melaka Biotechnology Corporation** dalam melaksanakan Program MSI – Duta Sains Tangga Batu pada hari ini. Bentuk kolaborasi sebegini membuktikan MOSTI mendokong inisiatif **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha memupuk kesedaran rakyat terhadap kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang melibatkan pelbagai *stakeholders*. Saya amat berkeyakinan bahawa penduduk Tangga Batu juga mendapat faedah daripada program yang dilaksanakan ini khususnya berkaitan pembangunan produk berpotensi, pengkomersialan dan akses pasaran.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Apabila kita melihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu konteks bagi sesebuah negara, **Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)** merupakan pamacu utama dalam mempertingkatkan ekonomi yang lebih kompetitif terutamanya dalam **aspek kemajuan teknologi, kecanggihan sesuatu produk, nilai tambah yang tinggi dan juga sektor pengeluaran yang berintensifkan modal**. Negara-negara seperti Jepun, Korea dan Taiwan telah membuktikan bahawa hasil daripada pembangunan

teknologi moden dan pengkomersialan inovasi yang cukup agresif telah meletakkan mereka setaraf dengan negara maju yang lain terutamanya dari segi pendapatan per kapita.

4. Namun begitu, dalam keghairahan negara untuk mengejar dan mendapatkan manfaat daripada teknologi yang termaju, masih terdapat golongan-golongan masyarakat yang masih belum sepenuhnya terdedah atau mendapat faedah daripada kelangsungan sesuatu teknologi. Justeru, bagi merealisasikan matlamat 'merakyatkan inovasi' dan 'teknologi untuk semua', MOSTI telah merencana pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan golongan sasaran yang spesifik seperti yang dilaksanakan di kawasan Tangga Batu, Melaka ini. Program yang diklasifikasikan sebagai **Inovasi Sosial MOSTI atau MOSTI Social Innovation (MSI)** diharapkan akan menjadi tanda dagangan (*trademark*) utama MOSTI pada masa hadapan.

5. MOSTI telah memulakan program MSI pada tahun 2015 secara rintis dan alhamdulillah sejumlah 77 projek telah dilaksanakan yang diterajui oleh 16 agensi di bawah MOSTI. Susulan daripada kejayaan ini, MOSTI telah memperuntukkan sejumlah RM25 juta bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan program MSI bagi tahun 2016. Selain itu, skop dan kumpulan sasaran bagi program MSI ini juga telah diperluaskan agar ianya dapat dimanfaatkan oleh kelompok masyarakat yang lebih besar.

Tuan-puan yang saya hormati sekalian,

6. Menyentuh tentang Program **Duta Sains**, ianya merupakan inisiatif utama ASM di bawah program MSI ini. Sebagai permulaan, 4 kawasan Parlimen telah dipilih sebagai kawasan rintis dan saya sebagai Ahli Parlimen Tangga Batu amat berbesar hati kerana Parlimen Tangga Batu adalah merupakan salah satu daripada 4 kawasan rintis tersebut.

7. Program **Duta Sains** kelolaan ASM ini tidak boleh disamakan dengan pelantikan duta-duta produk. **Duta Sains ASM** ini akan bertindak sebagai **focal point** bagi menggerakkan inovasi setempat dan membantu pemilik produk inovasi tempatan untuk pergi lebih jauh dan

mampu bersaing di pasaran sedia ada dan juga meneroka pasaran yang baru. Ini kerana masih terdapat banyak produk dan inovasi keluaran tempatan yang berkualiti dan berpotensi untuk dikembangkan tetapi pengusaha setempat kebiasaannya kurang terdedah kepada mekanisme dan kemudahan-kemudahan sedia ada termasuk dana penyelidikan dan geran pengkomersialan yang ditawarkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Menyedari akan pentingnya perkara ini, saya sendiri telah memilih untuk membantu meningkatkan dan menambah nilai komersial 4 produk tempatan di kawasan Parlimen Tangga Batu melalui Program Duta Sains ini **melalui pelantikan 4 orang Duta Sains** yang turut hadir bersama kita pada hari ini. Mereka adalah (pohon Duta Sains yang telah dilantik untuk berdiri):

- i. **Encik Rusli bin Abdul – Pembuat keris tradisional;**
- ii. **Encik Nawi bin Sulong – Pengusaha bunga api buluh tradisional;**
- iii. **Puan Normah binti Shariff – Pengusaha kuih dan kerepek tradisional; dan**
- iv. **Komuniti Parujas – Perusahaan tanaman & produk berasaskan Markisa.**

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, selain daripada keunikan produk mereka yang hanya terdapat di sini, pemilihan keempat-empat Duta Sains ini adalah **berdasarkan keyakinan saya bahawa mereka mempunyai potensi untuk berjaya dan seterusnya mampu menjadi contoh dan inspirasi kepada bakal usahawan di kawasan Tangga Batu khususnya dan negeri Melaka amnya.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya juga telah difahamkan bahawa **seramai 50 usahawan** dan juga bakal usahawan tempatan telah mengikuti "**Bengkel Ekosistem Perniagaan dan Pengkomersilan**" yang dijalankan pada hari ini. Saya berkeyakinan bahawa ini adalah merupakan **satu permulaan yang sangat baik** kerana latihan, pendedahan dan pemahaman berkaitan pembangunan dan pengkomersialan produk tempatan amat bertepatan dengan kehendak dan aspirasi warga Tangga Batu. Dengan adanya

peluang berinteraksi dengan kumpulan pakar daripada universiti tempatan, pusat penyelidikan, agensi kerajaan dan syarikat swasta secara lebih dekat, saya berharap ini adalah merupakan satu pengalaman yang amat bermakna dan akan menjadi pemangkin kepada usahawan-usahawan di Tangga Batu, bagi meningkatkan mutu dan kualiti produk masing-masing dan seterusnya dapat bersaing secara lebih meluas di pasaran dalam dan luar negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sebelum saya mengundurkan diri, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir dan menyertai bengkel ini. Adalah diharapkan tuan-tuan dan puan-puan memperoleh manfaat dan pengalaman yang berharga daripada bengkel ini dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi bagi menambah baik produk masing-masing.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah terlibat terutamanya kepada pihak Akademi Sains Malaysia (ASM), *Young Scientists Network* (YSN), UTeM, UPM, UKM, UniKL, BiotechCorp dan *Melaka Biotechnology Corporation* dalam menjayakan **"Bengkel Ekosistem Perniagaan dan Pengkomersilan"** yang dianjurkan di bawah Program Duta Sains Tangga Batu ini. Semoga segala usaha dan bakti yang disumbangkan akan dapat memberikan manfaat dan impak yang positif kepada komuniti Tangga Batu dan rakyat Negeri Melaka secara keseluruhannya.

11. Dengan kata-kata tersebut dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **"Majlis Penutup Bengkel Ekosistem Perniagaan dan Pengkomersilan bagi Program Inovasi Sosial MOSTI – Duta Sains Tangga Batu"** pada hari ini. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Sekian, terima kasih.